

30 JUL 2003

Mohd Ali-Air

MELAKA SETUJU PENGURUSAN AIR DIAMBIL ALIH OLEH KERAJAAN PUSAT

MELAKA, 30 Julai (Bernama) -- Kerajaan Melaka bersetuju pengurusan air di negeri ini diambil alih oleh Majlis Air Negara demi keperluan jangka panjang penduduk.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata ini kerana bekalan sumber air di Melaka dijangka dapat menampung keperluan penduduknya hanya sehingga tahun 2018.

"Sekarang pun kita bergantung kepada keperluan air mentah dari Johor dan oleh itu kita bersetuju supaya pengurusan air di negeri ini diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan menerusi Majlis Air Negara," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Seri Negeri, di sini, hari ini.

Melaka pernah mengalami krisis air pada awal 90-an kerana empangan Durian Tunggal hampir kering-kontang ketika itu akibat kemarau dan pada tahun lepas pula mengenakan catuan air selama beberapa hari juga kerana kapasiti air di empangan Durian Tunggal, satu-satunya empangan di negeri ini, menurun sehingga paras bawah 50 peratus.

Antara usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memenuhi keperluan air ialah dengan membina sebuah lagi empangan di Jus, Selandar yang dijangka beroperasi mulai akhir tahun depan.

Selain itu, Melaka juga mempunyai dua paip saluran air yang dihubungkan dengan Sungai Gerisik, Muar, untuk menampung keperluan bekalan air mentah.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini dilaporkan meminta kerajaan negeri mengkaji semula sama ada mereka ingin terus memikul tanggungjawab menyediakan bekalan air di negeri masing-masing memandangkan mereka tidak berupaya daripada segi kewangan untuk berbuat demikian.

Dr Mahathir berkata kerja membangunkan infrastruktur bekalan air termasuk membina loji baru dan sistem agihan menelan belanja cukup besar yang menyebabkan Kerajaan Negeri terpaksa meminjam wang daripada kerajaan pusat.

Dalam perkembangan lain, Mohd Ali berkata Melaka akan menganjurkan Karnival Udara selama tiga hari bermula 15 Ogos ini di Batu Berendam.

Karnival itu dianjurkan bersama dengan Kelab Penerbangan Belia 4B, Jabatan Penerbangan Awam.

-- BERNAMA

NO PR